

HUKUM PERDAGANGAN BITCOIN BERDASARKAN KAEDAH FOREX MENGIKUT SYARIAH ISLAM

Nurul Hanisah Ahmad^a, Nurul Syafiqah Imran^b, Nur Ruwaidah Kairuddin^c, Norhazlin
Zafira Kirman^d, Seri Harizah Sahjohan^e, Nor Shahrina Mohd Rafien^{f*}

^a Fakulti Pengurusan Perniagaan, Kampus Bandaraya Melaka,
Email: nurulhanisahahmad02@gmail.com

^b Fakulti Pengurusan Perniagaan, Kampus Bandaraya Melaka,
Email: nurulsyafiqahimran17@gmail.com

^c Fakulti Pengurusan Perniagaan, Kampus Bandaraya Melaka,
Email: waidaakairuddin@gmail.com

^d Fakulti Pengurusan Perniagaan, Kampus Bandaraya Melaka,
Email: hazlinkirman267@gmail.com

^e Fakulti Pengurusan Perniagaan, Kampus Bandaraya Melaka,
Email: sseriharizah@gmail.com

^f Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka,
Email: norshahrina871@uitm.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:
24/02/2025
Received In Revised Form:
13/03/2025
Accepted:
14/03/2025
Available Online:
20/03/2025

Keywords:
Forex trading;
Bitcoin;
Riba;
Hukum;
Fatwa

DOI:
[10.24191/JIPSF/v7n12025_73-84](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v7n12025_73-84)

Abstrak

Forex Trading merupakan satu aktiviti perniagaan dari segi tukar beli matawang. Terdapat ramai individu yang menggunakan kaedah Forex Trading ini untuk berdagang mata wang dan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Bitcoin pula merujuk kepada alat pengukuran nilai yang digunakan dalam kaedah Forex Trading. Secara umumnya, artikel ini akan memfokuskan perbincangan tentang maksud Forex Trading, konsep mata wang kripto iaitu Bitcoin dan konsep riba. Selain itu, artikel ini telah mengkaji metodologi yang digunakan oleh penulis iaitu secara penyelidikan kualitatif. Penulis akan memastikan semua sumber-sumber yang digunakan adalah relevan dan berkaitan dengan penyelidikan supaya mudah dan sesuai untuk dijadikan rujukan. Di samping itu, terdapat perselisihan pendapat tentang hukum perdagangan Bitcoin berdasarkan kaedah Forex Trading mengikut syariah Islam. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan hukum-hukum penggunaan Bitcoin dan menerangkan beberapa pandangan ulama terhadap isu yang boleh dibangkitkan terhadap mata wang Bitcoin. Hasil perbincangan daripada artikel ini, jelaslah tentang hujah-hujah berkaitan hukum penggunaan Bitcoin sebagai alat pengukuran nilai dan terdapat beberapa langkah bagi mengatasi masalah yang berkaitan dengan penggunaan Bitcoin melalui kaedah Forex Trading.

RULING OF BITCOIN TRADING BASED ON FOREX METHOD ACCORDING TO ISLAMIC SHARIA

Abstract

Forex Trading is a business activity in terms of currency exchange. There are many individuals using this Forex Trading method to trade currencies and aim to make a profit. Bitcoin refers to a measure of value that is used in Forex Trading. In general, this article has examined the methodology used by the author which is a qualitative study. The author will ensure that all the sources used are relevant and related to the research so that it is easy and suitable to be used as a reference. In addition, there are disagreements about Bitcoin Trading ruling based on the Forex Trading methods according to Islamic Sharia. This article aims to explain the ruling of the using Bitcoin and explain some of the views from ulama on the issues that can be raised against the Bitcoin currency. As a result, from this article, it is clear about the legal argument regarding the use of Bitcoin as a value measurement tools and there are several steps to overcome the problems that related to the use of Bitcoin through the Forex Trading method.

Keywords: Forex Trading, Bitcoin, usury, ruling, Fatwa

KONSEP BITCOIN

Bitcoin merupakan mata wang maya yang muncul pada tahun 2009 ini telah menjadi fenomena global, mencabar sistem kewangan tradisional dengan konsepnya yang terdesentralisasi. Bitcoin beroperasi tanpa pengawasan kerajaan atau institusi kewangan pusat, menjadikan ia sebagai matawang digital pertama yang bebas dari peraturan undang-undang. Ketiadaan peraturan undang-undang ini menarik minat ramai, terutamanya dalam kalangan mereka yang mencari alternatif kepada sistem kewangan konvensional. Bitcoin juga dipromosikan sebagai alat pembayaran ideal untuk transaksi merentas sempadan, dengan keupayaan untuk melakukan transaksi secara langsung tanpa memerlukan perantara.

Dari tahun ke tahun, Bitcoin telah digunakan dalam aktiviti perdagangan atas talian dan menjadi alat kewangan yang sudah popular di serata dunia. Walau bagaimanapun, penggunaan Bitcoin masih menjadi tanda tanya dari perspektif syariah kerana penggunaannya yang mungkin mempunyai unsur-unsur seperti ketidaktentuan (*gharar*) dan spekulasi (*maisir*). Bitcoin menggunakan teknologi *blockchain* iaitu sebuah buku besar digital yang menyimpan segala rekod transaksi secara terbuka dan kekal. Setiap transaksi disahkan oleh rangkaian komputer yang luas dikenali sebagai “penambang” (*miners*), yang menggunakan kuasa pengkomputeran mereka untuk menyelesaikan masalah matematik yang kompleks. Proses ini dikenali sebagai “*proof-of-work*”, yang memastikan keselamatan dan ketelusan rangkaian Bitcoin (Kamis, et.al, 2022).

Bitcoin sebagai Alat Pengukur dalam Perdagangan Forex

Dalam konteks perdagangan Forex, Bitcoin telah muncul sebagai alternatif baru kepada mata wang tradisional. Bitcoin telah menawarkan jalan pintas iaitu transaksi yang pantas tanpa perlu bergantung kepada bank atau broker. Namun, penggunaan Bitcoin ini telah menimbulkan persoalan besar iaitu penggunaannya dalam perdagangan Forex mengikut syariah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana etika perniagaan Islam semestinya menekankan keadilan dan ketelusan.

Penguasaan Bitcoin telah menjadi instrumen asas dalam dunia mata wang kripto. Dalam keseluruhan pasaran kripto, Bitcoin telah menjadi pengukur bagi bahagian permodalan pasaran. Nisbah ini adalah penting untuk peniaga dan pelabur kerana ia menerangkan arah aliran pasaran, menyerlahkan kekuatan Bitcoin berbanding dengan mata wang kripto alternatif. Bitcoin telah menemui tempatnya dalam dunia perdagangan Forex sebagai alat transaksi yang unik meskipun Bitcoin bukan mata wang fiat. Keupayaannya untuk melakukan transaksi secara langsung tanpa perantara, seperti bank atau broker, menjadikannya pilihan menarik bagi individu yang mencari kepantasan dan kebebasan. Bitcoin juga menawarkan peluang untuk mengurangkan kos transaksi dan meningkatkan akses kepada pasaran

global. Namun, sifat Bitcoin yang tidak menentu dan volatiliti harganya menjadi cabaran utama dalam penggunaannya (Kamis, et.al, 2022).

Untuk menjadi alat pengukur nilai seperti mata wang lain, Bitcoin perlu mempunyai kemampuan dalam mengukur nilai barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi (Rani, et.al, 2019). Pengukuran nilai dalam sistem kewangan Bitcoin agak mengelirukan individu dan menjadi tanda tanya kepada individu ketika membandingkan harga barang dan perkhidmatan kerana penggunaan beberapa titik perpuluhan. Hal ini adalah kerana mata wang fiat hanya menggunakan dua titik perpuluhan sahaja sebagai ungkapan harga. Harga Bitcoin perlu diungkapkan untuk kebanyakan barangan dalam empat titik perpuluhan atau lebih dari itu. Penggunaan titik perpuluhan yang banyak ini akan mengelirukan pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti perdagangan Forex.

Walaupun terdapat perdebatan mengenai status hukum Bitcoin dalam Islam, terdapat juga pandangan yang melihat Bitcoin sebagai instrumen yang boleh digunakan dalam perdagangan Forex, selagi ia dijalankan dengan cara yang beretika dan mematuhi prinsip-prinsip syariah. Individu perlu memastikan transaksi mereka bebas daripada unsur-unsur haram seperti *riba*, *maisir*, dan *gharar*. Mereka juga perlu memahami risiko yang terlibat dengan Bitcoin dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengurangkan risiko kerugian (Mahomed, et.al, 2018).

Transaksi kewangan dalam Islam mestilah bebas daripada unsur-unsur haram seperti *riba*, *maisir*, dan *gharar*. Namun, Bitcoin dalam Forex sering dikaitkan dengan spekulasi yang berlebihan, seperti berjudi dengan nasib. Apakah ini selaras dengan prinsip syariah yang menekankan kesahihan dan keadilan? Kajian yang mendalam terhadap penggunaan Bitcoin dalam Forex adalah penting untuk menentukan kedudukannya dari sudut syariah. Kita perlu memastikan agar setiap langkah yang diambil dalam dunia perdagangan Forex selaras dengan nilai-nilai luhur Islam, menjaga keadilan dan kesejahteraan bagi semua pihak.

KONSEP RIBA

Riba merupakan salah satu perkara yang popular dalam kewangan digital. Perkataan *riba* dalam bahasa Arab bermaksud lebih atau bertambah. Berdasarkan Mazhab Syafie, *riba* adalah sebuah akad yang dimeterai sebagai pertukaran barang tertentu tetapi ketika akad itu dimeterai tidak mengetahui kesamarataan pertukaran tersebut mengikut ukuran syarak atau penyerahan salah satu barang atau kedua-duanya dilewatkan (Noh, 2023b). Mengikut hukum syarak, *riba* adalah bayaran kembali terhadap sesuatu pinjaman yang dibayar secara lebihan yang diperolehi oleh peminjam. Bayaran itu boleh dilakukan melalui pertukaran barangan yang sejenis ataupun mata wang yang serupa.

Hukum *riba* adalah haram menurut Islam dan mereka yang terlibat dengan amalan *riba* mendapat azab yang berat serta terdapat banyak dalil larangan tentangnya. Amalan *riba* ini dihapuskan setelah orang Arab Madinah memeluk agama Islam dan bandar itu berada dibawah pimpinan Nabi Muhammad S.A.W. dan baginda memerangi amalan ini. Sikap memusuhi amalan *riba* ini semakin kuat apabila Allah S.W.T. menyampaikan wahyu kepada Rasul-Nya (Yadim, 2018). Wahyu itu menerangkan bala yang akan ditimpa oleh sesiapa yang mengamalkan *riba* seperti diterangkan dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat ke-275:

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan menjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.”

(Al-Baqarah 275)

Proses pengharaman *riba* berlaku secara berperingkat iaitu melalui empat peringkat. Prosesnya bermula dengan Allah telah berfirman dalam Surah al-Rum ayat ke-39 mengatakan bahawa bunga *riba* yang bertambah disisi manusia tidak akan pernah bertambah disisi Allah. Dibalikannya sekiranya seseorang itu memberi sedekah kepada orang lain, Allah akan melipat kali ganda kekayaannya. Peringkat yang seterusnya adalah melalui surah al-Nisa' ayat ke-161, dimana Allah mencela amalan *riba* dan menyatakan bahawa sesiapa yang mengamalkannya akan mendapat azab yang pedih. Kemudian di peringkat ketiga, dalam surah Ali Imran ayat ke-130, Allah menyeru orang-orang beriman agar menjauhi amalan *riba* agar memperoleh kejayaan dalam kehidupan. Peringkat yang terakhir, Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat ke-275 hingga ke-278, bahawa Allah memberi peringatan kepada orang yang mengambil *riba* dan menekan perbezaan jual beli dan *riba* serta memerintah kaum Muslimin agar menghapuskan hutang piutang yang mengandungi *riba* dan hanya mengambil modal pokok sahaja. Allah juga menyeru agar membantu orang lain yang dalam kesusahan bagi membayar hutang mereka.

Riba terdiri daripada dua kategori iaitu *riba Al-Dyun* dan *riba Al-Buyu'*. *Riba Al-Dyun* ialah *riba* yang larangannya terdapat di dalam al-Quran manakala *riba Al-Buyu'* ialah *riba* yang dilarang oleh Rasulullah melalui hadi-hadis. *Riba al-Dyun* merupakan *riba* yang berlaku dalam pinjaman dan *riba* ini terbahagi kepada dua iaitu *riba Al-Qardhu* dan *riba Al-Jahiliyah*. *Riba al-Qardhu* adalah apabila terdapat penambahan yang disyaratkan semasa pemberian jumlah pinjaman pokok. *Riba al-Jahiliyah* pula ialah penambahan yang dikenakan atau denda kepada hutang akibat kelewatan bayaran dari tempoh yang ditetapkan. Kemudian, *riba al-Buyu'* pula merupakan *riba* yang berlaku ketika jual beli berlangsung. Terdapat dua jenis *riba al-Buyu'* iaitu *riba al-Fadhl* yang berlaku dari pertukaran tidak sama kuantitinya yang melibatkan barang *ribawi* yang sama dan *riba al-Nasiah* pula ialah *riba* dari penangguhan pertukaran barang *ribawi* yang tidak secara langsung atau tidak secara tunai.

METODOLOGI

Pendekatan yang digunakan untuk penyelidikan ini adalah kualitatif. Penyelidikan kualitatif ini sesuai untuk digunakan dalam kajian yang berkaitan dengan konsep Forex Trading, mata wang kripto, Bitcoin dan konsep *riba*. Dengan menggunakan kaedah ini, penyelidikan ini dapat memperoleh pemahaman yang mendalam mengenai Bitcoin ini dalam syaria Islam. Kajian ini menggunakan data sekunder bagi memperoleh maklumat yang berkaitan. Data sekunder merupakan data yang telah dikumpulkan dan diolah oleh pengkaji atau penyelidik lain.

Kajian ini menggunakan data sekunder untuk mengetahui dan memahami kajian ini dengan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan pandangan dari ulama mengenai Bitcoin, ataupun artikel jurnal. Kajian ini turut menggunakan sumber internet bagi mendapatkan maklumat dari pelbagai laman web yang relevan ataupun rasmi. Para penulis akan memastikan bahawa sumber rujukan yang digunakan adalah relevan dan berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.

Kajian ini menggunakan kaedah menganalisis data secara deskriptif dengan meneliti maklumat yang didapati untuk melihat pelbagai perspektif syaria terhadap Bitcoin ini. Pendekatan induktif dan deduktif turut digunakan untuk memastikan analisis ini komprehensif dan menyeluruh. Pendekatan induktif bermaksud mengumpulkan data dan membuat kesimpulan umum berdasarkan data tersebut. Pendekatan deduktif pula melibatkan penggunaan prinsip syaria seperti *riba* dan akhirnya dapat menghasilkan kesimpulan bahawa perdagangan Bitcoin mengikut kaedah Forex halal atau haram mengikut syaria Islam.

Penyelidikan ini juga akan menjelaskan masalah yang dihadapi serta cara penyelesaiannya secara deskriptif melalui beberapa pendapat ulama mahupun laman web rasmi. Dengan mengumpulkan data dan menganalisa data tersebut, penulis dapat mengetengahkan dan memberikan pemahaman mendalam mengenai konsep-konsep Bitcoin dan hukumnya mengikut perspektif syaria. Dapatan kajian dalam penyelidikan ini disusun secara tematik.

DATA DAN ANALISIS

Hukum Penggunaan Bitcoin Dalam Islam Berdasarkan Kaedah Forex

Terdapat banyak pendapat daripada ulama pada masa kini berkaitan tentang hukum penggunaan mata wang Bitcoin dalam Islam. Ada sesetengah mengatakan bahawa hukum perdagangan Bitcoin berdasarkan kaedah Forex adalah haram dan ada juga berpendapat bahawa ianya adalah harus untuk digunakan dalam Islam. Oleh itu, terdapat beberapa perkara yang perlu diperjelaskan bagi mengatasi masalah perselisihan pendapat berkaitan penggunaan matawang Bitcoin ini. Pertama, hukum berkaitan jual beli saham mata wang. Merujuk kepada *Muzakarah* Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke- 98, mereka telah membincangkan berkaitan perdagangan mata wang asing oleh individu secara Lani atau lebih dikenali sebagai Individual *Spot Forex* yang digunakan melalui platform elektronik. Berdasarkan daripada perbincangan *Muzakarah* tersebut, satu keputusan dapat dikenalpasti bahawa hukum perdagangan Bitcoin berdasarkan kaedah Forex adalah haram. Hal ini dikatakan demikian kerana perdagangan mata wang melalui Forex Trading merupakan perkara yang bercanggah dengan kehendak syarak dan syariah Islam. Di samping itu, Forex Trading ini juga adalah tidak sah dari segi undang-undang.

Antara sebab- sebab pengharaman Forex Trading adalah kerana wujudnya unsur-unsur *riba* yang telah diharamkan oleh syarak seperti *riba Al- Fadl*, *riba Al- Nasiah* dan *riba Al- Yadd*. Kebiasaanya, perdagangan mata wang asing atau Forex Trading meliputi kepada beberapa jenis instrumen atau komoditi yang telah diperdagangkan misalnya nilai mata wang, emas, saham, minyak kelapa sawit dan pelbagai lagi. Barangan tersebut dikenali sebagai barang *ribawi*. Oleh itu, Forex Trading adalah tidak patuh Syariah dan telah melibatkan *riba Al-Buyu* dalam kaedah perdagangan tersebut. Terdapat beberapa syarat yang perlu diikuti dan telah disebutkan dalam hadis baginda SAW iaitu sama berat timbangan atau kuantiti, dibayar secara tunai dan berlaku serahan secara fizikal. Syarat-syarat ini telah dikhususkan dalam proses jual beli terhadap barang-barang *ribawi* bagi mengelakkan daripada berlakunya *riba* dalam aktiviti jual beli. *Riba Al- Buyu* juga berlaku apabila ianya mengandungi unsur *bay' al- najsy* iaitu peniaga yang telah menawarkan harga bukan untuk memiliki mata wang malah telah memberi faedah kepada penjual dengan melalui kenaikan harga. Hal ini menyebabkan satu unsur perjudian dalam proses tersebut. Selain itu, sebab pengharaman Forex trading adalah disebabkan oleh kewujudan unsur *gharar* iaitu ketidakpastian dalam jual beli tersebut yang menyebabkan pengharaman terhadap penggunaan Bitcoin mengikut kaedah Forex Trading.

Seterusnya, hukum berkaitan penggunaan Bitcoin dalam Islam. Ramai individu yang masih meragui tentang penggunaan mata wang Bitcoin terutamanya dari segi hukum. Terdapat banyak hujah- hujah yang telah dilontarkan oleh pelbagai pihak. Antaranya, menurut Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah menetapkan bahawa perdagangan melalui Bitcoin atau mata wang kripto bukan salah satu mata wang dari sudut syariah Islam. Mereka telah menyatakan bahawa ada pendapat yang mengharamkan Bitcoin sebagai alat pengukuran. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat beberapa sebab yang menjadikan Bitcoin haram seperti tidak menepati syarat mata wang. Pengharaman perdagangan mata wang Bitcoin telah difatwakan bahawa Bitcoin atau wang kripto yang lain adalah bukan salah satu instrumen atau alat pembayaran yang diterima umum dan ianya tidak dikeluarkan oleh mana-mana negara. Menurut (Che Rani & Salleh, 2019), mereka telah menyatakan bahawa pengeluaran mata wang merupakan hak mutlak pemerintah dan institusi kewangan rasmi dalam sesebuah kerajaan. Merujuk kepada kenyataan Bank Negara Malaysia pada 2 Januari 2014, ia telah menegaskan bahawa Bitcoin tidak diiktiraf sebagai mata wang rasmi di Malaysia dan mereka tidak memainkan peranan untuk mengawal operasi Bitcoin tersebut.

Bitcoin juga adalah tidak sah melalui syarak kerana nilainya yang tidak konsisten dan sering digunakan untuk aktiviti pelaburan yang haram. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan Bitcoin ini dipengaruhi oleh pelabur. Ianya akan berkait rapat dengan naik turun harga, permintaan dan sebagainya. Di samping itu, ketiadaan pihak mengawal selia untuk proses penggunaan Bitcoin ini seperti Bank Negara Malaysia akan menyebabkan nilainya yang tidak konsisten dan menyebabkan harga bergantung kepada kuasa pasaran. Kebiasaannya, penggunaan Bitcoin juga mempunyai unsur *gharar* dan *jahalalah*. *Gharar* ini terjadi apabila berlakunya kesamaran pada ketetapan sesuatu nilai, maka setiap individu

dilarang untuk melakukan jual beli yang samar-samar. Abu Hurayrah r.a meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bermaksud:

Rasulullah s.a.w. melarang jual beli yang samar-samar (gharar) dan dari jual beli batu kerikil

(Riwayat Al-Tirmidhi)

Akhir sekali, penggunaan Bitcoin ini memberi impak negatif yang disebabkan oleh penyalahgunaan yang mendorong ke arah melakukan aktiviti haram. Misalnya, penggunaan Bitcoin ini sering digunakan di dalam platform- platform pasaran gelap untuk melakukan aktiviti perdagangan barangan haram.

Walau bagaimanapun, ada pendapat yang menyatakan bahawa hukum penggunaan Bitcoin ini adalah diharuskan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka menyatakan bahawa hukum asal penggunaan Bitcoin sebagai alat pengukur nilai adalah harus. Terdapat beberapa sebab yang menjadikan hukum penggunaan Bitcoin adalah harus. Menurut (Yusuf, Kamaruzaman, & Jasmi, 2022) ada juga pendapat yang menyatakan sebab-sebab mengharuskan Bitcoin seperti ianya menepati ciri-ciri mata wang yang sah, menolak unsur *gharar* dalam penggunaan Bitcoin dan nilai yang tidak konsisten, tidak boleh dijadikan illah untuk mengharamkan penggunaan Bitcoin. Terdapat berlainan pendapat berkaitan isu penggunaan Bitcoin pada masa kini dan ramai individu yang masih meragui berkaitan isu ini. Oleh itu, setiap individu perlu berhati-hati untuk melibatkan diri dalam jual beli dengan melalui proses yang sah mengikut syarak dan tidak melibatkan perkara yang tidak jelas dan samar. Hadith daripada Abu Abdullah al-Nu'man bin Basyir R.A. bahawasanya beliau telah mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu juga jelas, dan di antara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara samar (syubhat) yang kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Sesiapa yang menjaga (menjauhi) perkara syubhah (kesamaran), maka ia telah menyelamatkan agama dan maruahnyanya. Dan sesiapa yang terjatuh di dalam (melakukan) perkara syubhah, sama seperti ia terjatuh di dalam (melakukan) perkara yang haram, umpama seorang penggembala yang menggembala di sekeliling kawasan larangan, dibimbangi dia akan menceroboh masuk ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja ada sempadan dan sesungguhnya sempadan Allah itu ialah perkara-perkara yang diharamkanNya. Ketahuilah bahawa dalam setiap jasad itu ada seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati.”

(Riwayat Bukhari)

Berdasarkan hadis di atas, jelaslah bahawa penggunaan Bitcoin sebagai alat pembayaran boleh diklasifikasikan sebagai perkara yang menghampiri haram (*syubhat*). Setiap umat Islam perlulah menjauhi perkara-perkara yang *syubhat* agar tidak tergolong dalam melakukan perkara atau aktiviti yang berdosa.

PANDANGAN ULAMA TERHADAP BITCOIN MENGIKUT SYARIAH ISLAM

Bitcoin merupakan salah satu jenis mata wang digital (kripto) yang dianggap sebagai alternatif baru untuk mata wang sedia ada sekarang. Bitcoin dan mata wang digital yang lain adalah haram mengikut syariah Islam. Menurut Daud, beliau telah menjelaskan bahawa kripto merupakan aset digital yang boleh digunakan dalam pelaburan. Beliau juga mengatakan bahawa jika sesuatu perkara mempunyai unsur riba, perjudian dan *gharar*, ia akan dilabelkan sebagai haram di dalam syariah Islam (Jamal, 2021). Setiap urusan niaga atau aktiviti perdagangan yang dilakukan perlulah mempunyai prinsip keadilan. Islam sangat menuntut keadilan dalam urusan niaga untuk mengelakkan daripada unsur *gharar*. Terdapat firman Allah SWT yang menjelaskan terhadap tuntutan untuk berlaku jujur dan adil dalam sesuatu urusan niaga:

“Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang adil. Yang demikian itu baik (kesannya bagi kamu di dunia) dan sebaik-baik kesudahan (yang mendatangkan pahala di akhirat kelak)”

(Al-Isra 35)

Bitcoin yang diwar-warkan selamat untuk digunakan tetap mempunyai masalah keselamatan dan berlakunya jenayah. Antara jenayahnya ialah penggubahan wang haram, jenayah wang tebusan, bayaran usrusniaga dadah dan penggodaman alam maya. Hal ini berlaku kerana, bank negara di sesebuah negara tidak dapat mengakses maklumat transaksi Bitcoin. Namun, bank-bank negara boleh menyekat pertukaran Bitcoin ini dengan melarang penukar mata wang Bitcoin (*exchange*) di pasaran. Terdapat beberapa fatwa yang telah dikeluarkan oleh majlis fatwa iaitu fatwa yang pertama ialah Fatwa Turki oleh *The Directorate of Religious Affairs*, atau Diyanet, yang mengatakan bahawa terdapat beberapa larangan yang berasaskan spekulasi yang tinggi, penggubahan wang haram dan tidak diterbitkan oleh kerajaan. Selain itu, Fatwa Palestin yang telah mengharamkan Bitcoin kerana mempunyai unsur perjudian dan *gharar fahish*. Fatwa seterusnya ialah Fatwa yang dikeluarkan oleh *Dar al-Ifta Mesir* yang tidak membenarkan penggunaan mata wang kripto terutamanya Bitcoin untuk membuat sebarang penjualan, pajakan dan sebagainya. Hal ini dilarang kerana Bitcoin terdedah dengan unsur gharar dan penipuan. Ia juga tidak mempunyai kehadiran mata wang fizikal sebaliknya hanya mata wang digital yang tidak berpusat (Naim, 2018). Larangan jual beli *gharar* ini ada disebut di dalam hadis Rasulullah SAW daripada Abu Hurairah iaitu:

“Rasulullah SAW melarang jual beli hasah (tikam menggunakan batu) dan jual beli gharar (yang tidak jelas barang jualannya).”

(Muslim)

Terdapat juga larangan jual beli *gharar* secara umum di dalam al-Quran melalui larangan memakan harta dengan cara yang salah dan penipuan yang menjadi punca pergaduhan dan perselisihan faham, seperti firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu makan harta orang lain dengan cara yang dilarang, sebaliknya berdaganglah sesama kamu dengan saling redha meredhai...”

(al-Nisa’29)

“Celakalah bagi mereka yang terlibat dengan penipuan, mereka yang ingin ketepatan semasa orang lain menimbang bagi mereka, tetapi mengurangkan timbangan apabila mereka menimbang untuk orang lain”

(al-Mutaffifin 1-3)

Secara umumnya, terdapat tiga pandangan berbeza daripada para ulama dalam menentukan hukum bagi Bitcoin, iaitu pandangan yang mengharamkan, pandangan yang mengharuskan dan *tawaqquf* iaitu belum memberi pandangan secara rasmi. Menurut Tarmizi, terdapat beberapa fatwa dan sarjana Islam yang telah mengharamkan penggunaan Bitcoin ini iaitu, Darul Iftaa’ Misriyyah (Majlis Fatwa Mesir), Syeikh Ali Qaradaghi (Setiausaha Agung Kesatuan Ulama Sedunia), Wifaq al- ‘Ulama (United Kingdom) dan Dr. Ahmad Sufyan Che Abdullah. Menurut Mufti Republik Mesir Syeikh Shauqi ‘Allam, Bitcoin telah diharamkan kerana ia tidak menepati syarat untuk diiktiraf sebagai mata wang. Ia juga telah menjadi saluran kepada aktiviti-aktiviti haram serta melanggar undang-undang seperti penggubahan wang haram dan ia mempunyai unsur jahalah, gharar dan manipulasi yang sukar dikawal. Manakala, menurut Dr. Ahmad Sufyan Che Abdullah secara peribadinya, beliau mengatakan bahawa Bitcoin merupakan satu alat yang tidak dapat dipastikan identitinya secara khusus. Beliau juga tidak menafikan bahawa Bitcoin ini mempunyai isu-isu syariah seperti kadar spekulasi yang tinggi, berlakunya penipuan dan tiada kawalan daripada pihak berautoriti (Tarmizi, 2018).

Selain itu, sebahagian daripada sarjana Islam ini telah mengharuskan penggunaan Bitcoin ini antaranya ialah, Datuk Dr. Mohd Daud Bakar yang merupakan Pengerusi Eksekutif Amanie Advisor dan Pengerusi Lembaga Penasihat Syariah BNM dan Pengerusi Lembaga Penasihat Syariah SC. Pada 29 November 2017, dalam suatu pembentangan program ‘*Cryptocurrency, Blockchain & Distributed Ledger Technology: Synergizing Technology & Shariah*’ di sebuah universiti tempatan iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), beliau berkata bahawa Bitcoin adalah patuh syariah. Beliau berpendapat bahawa pelaburan di dalam Bitcoin adalah harus dan keuntungannya akan dikenakan zakat.

Antara sarjana Islam lain yang mengharuskan penggunaan Bitcoin ini adalah Dr. Zaharuddin Abd Rahman (CEO Elzar Shariah Advisory Sdn Bhd) yang mengatakan bahawa beliau sendiri telah mencuba sendiri Bitcoin untuk mendapat pengalaman dan gambaran yang lebih jelas terhadap penggunaannya. Setelah beliau meneliti dengan lebih dalam, beliau mendapati Bitcoin boleh digunakan dalam urusan jual beli kerana mempunyai ciri-ciri mata wang mengikut Islam tetapi ia bukan *legal tender* kerana mata wang yang dikeluarkan bukanlah dari pihak berkuasa. Selain itu, Mufti Muhammad Abu Bakar juga ada mengatakan bahawa Bitcoin diharuskan di negara yang tidak melarang sebarang transaksi Bitcoin (Tarmizi, 2018).

Tambahan pula, terdapat pandangan ulama yang tawaqquf iaitu masih belum memberi pandangan secara rasmi kepada permasalahan penggunaan Bitcoin ini. Hal ini kerana, sarjana Islam ini ingin mendapatkan gambaran atau pandangan yang lebih meluas dan menyeluruh untuk menentukan hukum Bitcoin ini iaitu *International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance* (ISRA). Pada 28 Februari 2018, Dr. Marjan Muhammad telah mengemukakan beberapa pandangan badan fatwa dan sarjana Islam mengenai isu Bitcoin ini di Persidangan Meja Bulat Mata Wang Kripto dan Sistem Kewangan Digital di Dewan Besar IKM. Namun, ISRA tidak melakukan sebarang pentarjihan kepada semua pendapat yang telah dikemukakan (Tarmizi, 2018).

Oleh itu, dapat dilihat bahawa pandangan para ulama Islam dalam menentukan hukum penggunaan Bitcoin ini adalah berbeza-beza mengikut pandangan para ulama masing-masing. Bagi ulama Islam yang telah mengharuskan penggunaan Bitcoin, mereka lebih melihat dari sudut mikro Bitcoin berbanding sudut makro Bitcoin. Mereka berpandangan bahawa Bitcoin merupakan mata wang yang menepati ciri-ciri mata wang yang sedia ada dan tiada sebarang unsur *gharar* serta *jahalah* yang boleh merosakkan sebarang transaksi. Bagi ulama Islam yang mengharamkan penggunaan Bitcoin dapat dilihat mereka lebih memandang dari sudut makro dan jangkaan skop yang lebih meluas. Kewujudan Bitcoin dapat mengganggu kestabilan mata wang di sesebuah negara akibat daripada tiada pengawasan dan pengawalan oleh pihak berautoriti. Sebahagian kecil ulama Islam lebih bersifat *tawaqquf* iaitu belum memberi pandangan secara rasmi. Hal ini dapat menunjukkan yang mereka lebih berhati-hati dan mencari gambaran sebanyak yang boleh untuk menentukan hukum penggunaan Bitcoin. Keputusan yang muktamad akan dibuat sekiranya segala gambaran dan maklumat yang diperolehi memenuhi kepuasan hati para ulama Islam. (Tarmizi, 2018)

Kesimpulannya, mata wang digital terutamanya Bitcoin tidak menepati ciri-ciri mata wang yang ditetapkan dalam Islam kerana ia tidak mampu mempunyai nilai yang konsisten. Walaupun Bitcoin diterima ramai oleh masyarakat, namun nilainya yang tidak konsisten boleh mengganggu kestabilan nilai mata wang yang sedia ada sekarang. Tambahan pula, mata wang Bitcoin tidak dikawal dan diawasi oleh pihak berautoriti. Hal ini boleh mengundang kepada pelbagai perkara negatif dan sekaligus mengganggu system mata wang rasmi dalam sesebuah negara. Pemerintah dan pihak berautoriti perlulah bersama-sama menghalang sebarang transaksi Bitcoin ini supaya dapat memelihara kesejahteraan masyarakat dan mata wang negara.

CABARAN DALAM PERDAGANGAN BITCOIN BERDASARKAN KAEDAH FOREX

Berdasarkan artikel yang dikaji, antara cabaran yang dihadapi dalam perdagangan Bitcoin berdasarkan kaedah Forex mengikut syariah Islam adalah persoalan mengenai etika dan hukum syariah. Mata wang Kripto seperti Bitcoin, dikatakan tidak sah kerana terdedah kepada unsur *riba*. Hal ini dikatakan demikian kerana perdagangan mata wang Bitcoin kebiasaannya mengalami pertambahan nilai mata wang yang tidak tetap dalam penggunaannya. Perdagangan yang mengandungi unsur *riba* adalah amat ditegah dalam Islam. Apabila sesuatu urusan niaga itu menimbulkan keraguan atau ketidakjelasan terutamanya yang melibatkan pertukaran mata wang seperti Bitcoin, maka ianya dianggap *gharar*. Bitcoin diklasifikasikan haram kerana terdapat kesamaran yang besar padanya, malah sukar untuk memastikan nilainya. Hal ini dikatakan demikian kerana Bitcoin tidak mempunyai nilai yang stabil dan tetap. Tambahan pula, mata wang sah untuk digunakan jika seluruh masyarakat menerimanya (Juhari, 2023). Antara ciri utama sesuatu mata wang adalah kepercayaan dan penerimaannya dalam kalangan

masyarakat. Bank Negara Malaysia menegaskan bahawa Bitcoin tidak diiktiraf sebagai satu mata wang rasmi di Malaysia (Tarmizi, 2018). Walau bagaimanapun, jika diukur daripada sudut positif, Bitcoin yang merupakan mata wang secara maya, lebih menjimatkan masa dan kos berbanding sistem kewangan secara fizikal pada hari ini. Perbincangan ini jelas menunjukkan bahawa unsur *riba* yang terkandung dalam perdagangan mendatangkan cabaran yang besar kepada umat Islam. Oleh itu, masyarakat yang terlibat dalam urus niaga berkaitan kaedah Forex dalam perdagangan Bitcoin perlu lebih cakna supaya tidak melanggar sebarang hukum syariah Islam bagi mendapat keberkatan dalam hidup.

Seterusnya, pada masa kini, telah menjadi satu fenomena terutamanya di Malaysia apabila mata wang Kripto (Bitcoin) diperkenalkan sebagai mata wang digital. Antara cabaran mata wang Kripto adalah ketiadaan pengawalan pusat. Mata wang Kripto tidak dinaungi oleh Bank Negara Malaysia (BNM) kerana terdedah kepada *gharar*, tidak boleh dijejaki dan mudah terdedah kepada cuci wang, tiada peraturan dan undang-undang. Ia juga terdedah dengan pelbagai risiko seperti risiko keselamatan, risiko penipuan, risiko pasaran, risiko sistem dan tiada jaminan daripada kerajaan (Abdullah, 2024). Menurut sebuah keratan akhbar *My Metro*, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menyita lebih RM1 bilion melibatkan aset seperti hartanah, rumah, akaun bank, kereta mewah, akaun Kripto dan lain-lain dalam tempoh tiga tahun sejak 2020. Penjenayah dikatakan menggunakan kaedah pengubahan wang haram melalui transaksi digital iaitu *Cryptocurrency* dan Bitcoin. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan aset digital seperti Kripto telah memberi cabaran baharu kepada pihak berkuasa untuk mengesan pengubahan wang haram oleh penjenayah. Ini juga jelas membuktikan hukum Bitcoin adalah haram jika disalahgunakan dan tidak menepati hukum syarak dan syariah Islam. Justeru itu, sebagai umat Islam yang bertanggungjawab adalah penting untuk kita memastikan bahawa urus niaga yang melibatkan mata wang ini sentiasa mematuhi syariah Islam.

LANGKAH PENYELESAIAN DALAM MENGATASI CABARAN

Isu ketidakpastian terhadap penggunaan mata wang sama ada ia menepati hukum syariah atau tidak, merupakan salah satu cabaran yang dihadapi dalam era serba digital ini. Selain itu, peningkatan jumlah platform yang melibatkan pertukaran mata wang Kripto ini juga semakin menyukarkan pihak-pihak berwajib untuk mengenalpasti urus niaga yang dijalankan. Oleh itu, kerjasama antara individu, masyarakat dan pihak berkuasa amat diperlukan untuk mengatasi isu ini.

Langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengatasi cabaran yang dihadapi dalam perdagangan Bitcoin berdasarkan kaedah Forex mengikut syariah Islam adalah individu perlu mempunyai ilmu pengetahuan mengenai undang-undang dan hukum syarak. Menurut portal rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor, salah satu maklumat yang terkandung dalam dokumen Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor ialah pengguna hendaklah mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai undang-undang dan peraturan yang berkaitan mata wang digital (Haji Opir, 2021). Antara usaha yang boleh dilakukan individu untuk meningkatkan pengetahuan tentang undang-undang dan peraturan mata wang digital mengikut syariah Islam adalah dengan menyertai program atau kursus yang berkaitan. Program atau kursus yang disertai mestilah dianjurkan oleh badan-badan yang dipercayai kesahihannya seperti institusi kewangan Islam, contohnya Pusat Pungutan Zakat dan Bank Negara Malaysia. Kesannya, individu dapat memperoleh ilmu yang lebih mendalam berkaitan penggunaan mata wang digital dalam konteks undang-undang dan syariah Islam.

Masyarakat hendaklah bekerjasama untuk memerangi penyalahgunaan wang Kripto mahupun Bitcoin seperti pengubahan wang haram dan jenayah lain. Masyarakat memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran tentang skim penipuan mata wang Kripto. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat merupakan pihak yang paling terdedah kepada risiko penipuan. Masyarakat mampu membantu dalam mencegah penipuan dengan cara berkongsi pengalaman mereka yang pernah tertipu akibat kekurangan ilmu terhadap isu ini. Syariah melarang akibat buruk berdasarkan hukum sesuatu tindakan itu. Ia perlu dilihat dari kesan akhirnya dan harus bebas daripada semua larangan Syarak (Bakar, 2021). Kesannya, masalah jenayah berkaitan penyalahgunaan mata wang Kripto dan Bitcoin dalam kalangan masyarakat di Malaysia dapat dikurangkan.

Pihak berkuasa seharusnya bertanggungjawab dalam memperketatkan penguatkuasaan undang-undang terhadap penyalahgunaan matawang Kripto, Bitcoin dan Forex. Antara perkara yang boleh dilakukan adalah dengan menggunakan kaedah blockchain dalam pemantauan transaksi digital. Blockchain merupakan lejar awam digital dan berpusat yang mengandungi semua urusan niaga mata wang Kripto (Zain Azmi & Abdul-Rahman, 2018). Kebiasaannya, mata wang Kripto beroperasi dengan menggunakan teknologi blockchain yang membenarkan proses transaksi berlaku tanpa memerlukan perantara seperti bank dan ia juga lebih selamat. Menurut sebuah keratan akhbar *The Star*, dengan anggaran jumlah nilai transaksi mata wang Kripto di Malaysia pada 2024 adalah sebanyak RM1.44tril, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah melaksanakan operasi “Ops Token,” dengan kerjasama pihak polis dan *CyberSecurity Malaysia* bagi membendung ketirisan cukai. Operasi ini bertujuan mengurangkan ketirisan hasil cukai dalam perdagangan mata wang kripto dan menambah baik cukai negara, selaras dengan hasrat kerajaan. Kejayaan LHDN ini menunjukkan pihak bertanggungjawab sememangnya memainkan peranan yang penting dalam membanteras penyalahgunaan mata wang di Malaysia khususnya. Justeru itu, pihak yang melanggar Akta 613, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 harus dikenakan hukuman sewajarnya supaya penyalahgunaan matawang Kripto dapat dikurangkan.

KESIMPULAN

Berdasarkan artikel-artikel yang telah dikaji, menunjukkan bahawa majoriti pandangan ahli ulama bersependapat bahawa hukum penggunaan matawang Kripto (Bitcoin) adalah haram. Walau bagaimanapun, penggunaan matawang digital Kripto seperti Bitcoin mempunyai banyak kebaikan dalam perdagangan jika dibandingkan dengan matawang fizikal. Contohnya, dari segi penjimatan masa, kos dan tenaga serta keuntungan yang diperolehi dalam penggunaannya. Walaupun majoriti berpendapat bahawa hukum penggunaan matawang ini adalah haram, terdapat syarat yang boleh diaplikasikan agar ianya mematuhi syariah Islam. Pandangan ulama menyatakan bahawa hukum pelaburan dalam Bitcoin menjadi harus apabila keuntungannya dikenakan zakat.

Menurut sebuah artikel yang diterbitkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan yang bertajuk Bayan Linnas Siri Ke-153: Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin, terdapat empat syarat khusus yang membolehkan pertukaran matawang dilakukan. Antara syarat yang terkandung dalam artikel itu adalah wujud persamaan bagi dua barangan yang sama bahagian, penyerahan serta-merta, penyerahan dalam majlis akad dan akad tersebut mestilah muktamad (tanpa syarat). Tambahan lagi, ada sarjana Islam yang mengharuskan penggunaan Bitcoin ini kerana mendapati Bitcoin boleh digunakan dalam urusan jual beli. Hal ini dikatakan demikian kerana ia mempunyai ciri-ciri matawang mengikut Islam tetapi ia bukan *legal tender* kerana matawang yang dikeluarkan bukanlah dari pihak berautoriti. Jelaslah bahawa hukum penggunaan mata Kripto (Bitcoin) menjadi harus jika ia mematuhi undang-undang dan syariah Islam manakala ia haram sekiranya terdapat unsur yang melanggar undang-undang dan syariah Islam.

RUJUKAN

- Abdul Wahab. (2016). Keterlibatan bank shari'ah dalam aplikasi perdagangan foreign exchange (forex). *Jurnal Perbankan Syariah*, 1(1), 31-47
- Abdullah, M. M. (2024). Mata wang kripto: Cabaran dalam pentadbiran harta pusaka di Malaysia. *Journal of Fatwa and Falak Selangor (JUFFAS)*, *1*(1), 37-50.
- Abdullah, M. M. (June, 2024). Mata Wang Kripto: Cabaran dalam Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia. *Journal of Fatwa and Falak Selangor (JUFFAS)*, Vol. 1. Retrieved 21 November, 2024, from <https://juffas.muftiselangor.gov.my/index.php/jurnal/article/view/13/2>
- Awang, A. H. (Disember, 2012). Gharar Dalam Perspektif Fiqh Al-Hadith: Analisis Terhadap 'Illah dan Prinsip. *Jurnal Ilmiah Berimpak*. Retrieved from <https://search.app/nA1q5p7DfTJNhwBE8>
-

- Azelan, S. H. N., Rahman, A. A., & Noh, M. S. M. (2023). Konsep mata wang kripto sebagai mata wang dari perspektif syariah. *Al-Basirah*, *13*(1), 13-24. <https://doi.org/10.22452/basirah.vol13no1.2>
- Bakar, M. D. (2021). Matawang Kripto: Satu Analisa Syariah Kontemporari dan Holistik (Bahagian V). *Coin.my*. Retrieved 22 November, 2024, from <https://coin.my/blockchain/matawang-kripto-satu-analisa-syariah-kontemporari-dan-holistik-bahagian-v/>
- Che Rani, M. H., & Salleh, A. D. (2019). Bitcoin: Analisis Mata Wang Maya Menurut Perspektif Siyāsah Shar'iyah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4. Retrieved from <https://journalarticle.ukm.my/19390/1/JCIL-2019-41-Article-4-1.pdf>
- Haji Opir, H. A. (12 Ogos, 2021). Hukum Matawang Kripto (Cryptocurrency): Satu Analisi Syarak. *Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor*. Retrieved 21 November, 2024, from <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/27/hukum-matawang-kripto-cryptocurrency-satu-analisa-syarak/>
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (n.d.). Retrieved from <https://emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/jawapan?id=4342>
- Jamal, A. A. (12 Disember, 2021). Retrieved from <https://search.app/tdfKcvgbPfQSLkmq7>
- Juhari, H. (2 September, 2023). Hukum Bitcoin Menurut Ulama'. *Hukum Bitcoin: Halal atau Haram Melabur Menggunakan Kripto?* Retrieved 21 November, 2024, from <https://taqwa.my/hukum-bitcoin/>
- Kamis, N. S., Mohd Isa, M., & Md Noor, N. S. (2022). Can Muslim Inherit Bitcoin? Discovering The Continuity of Digital Asset In Perlis. *International Journal of Islamic Business*, 7(2), 44-51.
- Kerajaan Persekutuan Malaysia. (1 Disember, 2015). *Undang-Undang Malaysia*. Retrieved 22 November, 2024, from Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001: <https://www.sprm.gov.my/admin/files/sprm/assets/pdf/penguatkuasaan/amlatfpuaa-2001-akta-613-bm.pdf>
- Mahomed, Z., & Mohamad, S. (2018). Crypto Mania: The Shariah Verdict. *CIAWM Bulletin*, 3.
- Naim, A. M. (11 Februari, 2018). Bitcoin dan Analisis Pandangan Fiqh Islam. Retrieved from <https://search.app/t5guwyYmptE7eVx57>
- Noh, M. S. M. (2023b). Riba dan Gharar dalam Aplikasi Kewangan Digital: Satu Sorotan: A Highlight on Riba and Ghararin Financial Digital Application. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 2(2), 32–59. <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/49/26>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - Al-Kafi # 1847: Jenis-Jenis Riba Di Sisi Mazhab Syafie. (2021, December 7). www.muftiwp.gov.my. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5078-al-kafi-1847-jenis-jenis-riba-di-sisi-mazhab-syafie>
- Persekutuan, M. W. (2021, Ogos 30). Hukum Menjadikan Matawang Kripto Sebagai Mas Kahwin. Retrieved from <http://103.233.160.120/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4958-al-kafi-1822-hukum-menjadikan-matawang-kripto-sebagai-mas-kahwin>
- Raja Rahim, R. N., & Nawawi, M. H. (26 Februari, 2024). 'Duit Kotor' RM1 Bilion. *My Metro*. Retrieved 22 November, 2024, from <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1064347/duit-kotor-rm1-bilion>
- Rani, M. A. H. C., & Salleh, A. D. (2019). Analisis syariah terhadap kedudukan bitcoin sebagai alat pembayaran. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4*(2), 46-64.

- Sobri, N. A., & Ahmad, A. A. (2022). Kedudukan transaksi perdagangan forex secara atas talian oleh individu menurut perspektif syariah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *7*(7), e001694. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1694>
- Tarmizi, L. (15 November, 2018). Kenyataan Bank Negara Malaysia (BNM). *Bayan Linnas Siri Ke-153: Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin*. Retrieved 21 November, 2024, from <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-mata-wang-bitcoin>
- Trisha, N. (15 June, 2024). LHDN conducts special ops to curb tax leakage from cryptocurrency trading. *The Star*. Retrieved 22 November, 2024, from https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/06/15/lhdn-conducts-special-ops-to-curb-tax-leakage-from-cryptocurrency-trading?utm_source=chatgpt.com
- Yadim, E. (2018, March 28). *Riba dari kaca mata Islam*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. <https://www.yadim.com.my/v2/riba-dari-kaca-mata-islam/>
- Yusuf, N. N., Kamaruzaman, A., & Jasmi, K. A. (2022, Januari). Penggunaan Matawang Bitcoin Menurut Islam. *Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST)*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/366191372_Penggunaan_Matawang_Bitcoin_Menurut_Islam
- Zain Azmi, N. A., & Abdul-Rahman, A. (22 November, 2018). Kesedaran Pelajar Terhadap Risiko Bitcoin. *Jurnal Personalia Pelajar*. Retrieved 22 November, 2024, from https://journalarticle.ukm.my/15987/1/Artikel-8_Prof.-Madya-Dr.-Aisyah-Abdul-Rahman_final.pdf